

## ***TALKING POINT***

**YANG BERBAHAGIA PROFESOR TS. DR. MASSILA BINTI KAMALRUDIN  
NAIB CANSELOR  
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

---

**MAJLIS TUAH FIT PATRIOTIK DAN PELANCARAN UTeM ECO FIT 2022**

**13 September 2022 (Selasa) | 4.30 Petang | Stadium UTeM**

**UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

Terima Kasih Saudara Pengacara Majlis

## **SALUTASI**

**Yang Berbahagia Dr. Zulkiflie bin Ibrahim**

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

**Yang Berbahagia Profesor Ir. Ts. Dr. Ghazali bin Omar**

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

**Yang Berbahagia Profesor Madya Datuk Dr. Sabri bin Mohamad Sharif**

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

**Yang Berusaha COO UTeM, Bendahari, Ketua Pustakawan, Penasihat Undang-Undang, CIO, Dekan-Dekan Fakulti, Pengarah-Pengarah, TDPP Fakulti**

**En. Azhar bin Mohd Salleh**

Yang Berusaha Ketua Pusat Sukan HEPA

Para pelajar dan warga UTeM yang dikasihi sekalian

## ALU-ALUAN

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan kehadiran Allah SWT kerana di atas limpah kurniaNya dapat kita bersama-sama berkumpul pada petang ini di Program **TUAH Fit Patriotik dan Pelancaran UTeM Eco Fit 2022**
2. Saya berasa amat gembira kerana dapat menyaksikan ramai warga UTeM dapat meluangkan masa untuk bersama-sama memberikan sokongan terhadap program ini. Inilah semangat kesukanan yang kita mahukan dari setiap warga UTeM. Apa yang diharapkan, semangat ini dapat dikekalkan supaya nikmat kekeluargaan, keharmonian dan perpaduan sesama kita yang hadir dari latar belakang yang berbeza, terus dirasai di Universiti tercinta ini.
3. Rasanya belum terlambat lagi untuk saya mengucapkan Selamat Hari Kebangsaan yang ke 65 dan Selamat Hari Malaysia kepada semua warga UTeM yang dikasihi. Merdeka bermaksud kebebasan dari penaklukan dan penjajahan.

Dalam konteks kesihatan dan kecergasan pula bermaksud untuk mengubah atau 'memerdekakan' diri ke arah kehidupan yang mempunyai gaya hidup yang lebih baik dan bermanfaat. Jika dulu kita lebih memikirkan di mana kita ingin minum pada waktu petang tapi kini kita memikirkan aktiviti kecergasan apa yang kita ingin lakukan pada petang nanti.




## PENGANJURAN UTeM ECO FIT

Para hadirin sekalian

4. UTeM melalui Pihak Pengurusan Universiti amat mengambil berat tentang pembangunan sahsiah warganya (staf dan pelajar) melalui aktiviti sukan dan rekreasi secara massa menjadi antara agenda Universiti untuk menjadikan warga UTeM yang sihat dan cergas fizikal dan mental.
5. Penganjuran program UTeM Eco Fit 2022 merupakan satu program pembudayaan gaya hidup sihat dan aktif di kalangan mahasiswa dan seluruh warga UTeM. Sasaran penyertaan adalah melibatkan seramai mungkin warga UTeM untuk terlibat dalam aktiviti ini. Penganjuran yang akan diadakan secara berkala pada setiap petang hari Selasa terpilih bermula dari bulan September hingga Disember 2022. Aktiviti kecergasan yang pelbagai bakal diadakan bagi program ini ialah;

- Briswalk
- Fun Aerobic
- Fun Hike Bukit UTeM
- Easy Jump Lompat Tali
- Zumba
- Body Combat Exercise
- Free Weight Workout Session
- Fun Ride Campus UTeM
- Ladies Fun Aerobic
- Fun Run
- Tabata



اونيورسيتي تيكنيكل مليسيا ملاك

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

6. Informasi bagi aktiviti yang akan dijalankan akan dikongsi di Media Sosial Facebook dan Instagram Pusat Sukan UTeM.
7. Untuk makluman Warga Universiti, aktiviti kecergasan yang pelbagai ini juga merupakan salah satu inisiatif bagi menyokong kepada amalan tenaga hijau bagi penganjuran sukan dan mengurangkan pelepasan karbon ke arah kehidupan yang lebih baik.



## PENUTUP

8. Akhir sekali lagi, saya berharap dengan adanya program kecergasan UTeM Eco Fit 2022 ini dapat menyemarakkan lagi gaya hidup sihat di kalangan warga UTeM.
9. Semoga ianya akan meningkatkan lagi kualiti hidup kita semua, semangat dalam bekerja dan belajar di UTeM.
10. Syabas dan tahniah kepada Pusat Sukan UTeM untuk penganjuran program – program sebegini.
11. Saya dengan lafaz Bismillahhramannirahim melancarkan UTeM Eco Fit 2022.

Sekian, Terima kasih.

Wabillahhitaufik Walhidayah Wassalammualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.